

## **LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN**

Mohd Azrul Joon bin Abdullah (OKS) telah dituduh di Mahkamah Majistret Kluang, Johor bagi pertuduhan di bawah subseksyen 75(1) Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 atas kesalahan menjalankan kerja-kerja elektrik dengan memasang pagar elektrik di tanah milik Fikri bin Ismail @ Yahya tanpa memiliki suatu Perakuan Pendaftaran yang sah sebagai Kontraktor Elektrik yang dikeluarkan di bawah Peraturan-peraturan yang sama. Pada 19 Ogos 2024, OKS telah mengaku bersalah bagi pertuduhan tersebut dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda RM 2000.00 gagal bayar satu (1) bulan penjara. OKS membayar denda tersebut.